

**BAB 12 TINDAKAN DISIPLIN**

**BAHAGIAN A KUASA DISIPLIN**

**12.01 Tafsiran**

Dalam Bab ini,

“Peserta yang Ingkar” termasuk Peserta Penjelasan atau Orang Berdaftar bagi Peserta Penjelasan yang didapati melanggar mana-mana Kaedah-kaedah.

“prosiding disiplin” jika konteks membenarkan, termasuk prosiding rayuan di bawah Bahagian D.

**12.02 Kuasa disiplin**

Pusat Penjelasan boleh menggunakan kuasa disiplinnya di bawah Bahagian A Bab 12 ini terhadap Peserta yang Ingkar. Kuasa disiplin Pusat Penjelasan termasuk pengambilan satu atau lebih tindakan berikut:

- (a) menggantung (keahlian) Peserta yang Ingkar mengikut syarat yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan;
- (b) memotong (nama) Peserta yang Ingkar daripada Buku Daftar CP dan RP, yang menyebabkan Peserta yang Ingkar itu dengan serta-merta tidak lagi dapat menikmati keistimewaan Penyertaan;
- (c) mengehadkan atau tidak membenarkan akses oleh Peserta yang Ingkar kepada apa-apa perkhidmatan atau kemudahan Pusat Penjelasan atau menggantung keistimewaan atau aktiviti Peserta yang Ingkar atas apa-apa syarat dan untuk apa-apa tempoh sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan mengikut budi bicara tunggalnya, termasuk berhubung dengan apa-apa fungsi yang disumberluarkan;
- (d) mengenakan denda tidak melebihi RM1 juta ke atas Peserta yang Ingkar;
- (e) menegur (secara awam atau secara peribadi) Peserta yang Ingkar;
- (f) mengenakan apa-apa sekatan atau syarat berhubung dengan pelanggaran yang dilakukan atau aktiviti yang dijalankan oleh Peserta yang Ingkar;
- (g) mengenakan satu atau lebih syarat pematuhan, termasuk pengeluaran arahan untuk mengambil apa-apa langkah bagi meremedi atau mengurangkan pelanggaran, selain arahan untuk membuat restitusi;
- (h) mengarahkan Peserta yang Ingkar untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mana-mana pekerja atau ejen Peserta yang Ingkar jika orang seperti itu menyebabkan Peserta yang Ingkar melakukan pelanggaran;
- (i) mengarahkan supaya pendidikan, latihan atau apa-apa jenis program lain, sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan, dijalankan atau dilaksanakan oleh Peserta yang Ingkar untuk pekerjanya;
- (j) mengenakan apa-apa sekatan, larangan atau kehendak berkenaan dengan pelupusan, pemegangan atau pengurusan apa-apa wang atau aset klien oleh Peserta yang Ingkar; atau
- (k) apa-apa tindakan lain yang dianggap wajar oleh Pusat Penjelasan tertakluk kepada perundingan dengan Suruhanjaya.

**12.03 Prosedur**

- (1) Pusat Penjelasan akan menentukan prosedur yang terpakai kepada mana-mana prosiding disiplin yang diambil di bawah Bab ini. Prosedur tersebut mungkin berubah untuk disesuaikan dengan keadaan mana-mana kes tertentu.
- (2) Pusat Penjelasan tidak terikat dengan peraturan keterangan dan prosedur undang-undang dalam mana-mana prosiding disiplin di bawah Bab ini.

**12.04 Penyelesaian yang dipersetujui**

- (1) Peserta yang Ingkar boleh, pada bila-bila masa sebelum Pusat Penjelasan membuat keputusan, mencadangkan penyelesaian bagi tindakan disiplin itu dengan mempersetujui satu set fakta, liabiliti atau penalti dengan Pusat Penjelasan.
- (2) Pusat Penjelasan boleh menolak, menerima atau mengubah penyelesaian yang dicadangkan berdasarkan syarat yang disifatkan patut oleh Pusat Penjelasan.
- (3) Jika Pusat Penjelasan menerima penyelesaian yang dicadangkan, penyelesaian yang dipersetujui itu akan direkodkan sebagai keputusan Pusat Penjelasan.
- (4) Jika Pusat Penjelasan tidak bersetuju dengan penyelesaian yang dicadangkan, prosiding di bawah Bahagian B Bab 12 ini akan terpakai.

**12.05 Permintaan untuk representasi lisan**

- (1) Peserta yang Ingkar boleh meminta representasi lisan untuk membuat penghujahan atau mengusahakan kehadiran saksi atau wakil sah semasa representasi lisan tersebut bagi prosiding yang dimulakan terhadap Peserta yang Ingkar.
- (2) Permintaan di bawah Kaedah 12.05(1) mesti dikemukakan bersama dengan:
  - (a) Respons sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah 12.10; atau
  - (b) Notis Rayuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah 12.15.
- (3) Pusat Penjelasan boleh, mengikut budi bicara mutlaknya, membenarkan atau tidak membenarkan apa-apa permintaan yang dibuat menurut Kaedah 12.04(1), berdasarkan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang disifatkan patut oleh Pusat Penjelasan.

**12.06 Standard bukti**

Pusat Penjelasan tidak akan mendapat sesuatu dakwaan dibuktikan melainkan Pusat Penjelasan berpuas hati bahawa dakwaan itu dibuktikan berdasarkan imbalan kebarangkalian.

**12.07 Hak lain**

Penggunaan kuasa dalam Kaedah 12.02 tidak, dalam apa jua cara menjelaskan hak Pusat Penjelasan yang lain terhadap Peserta yang Ingkar atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kaedah-kaedah ini ditujukan.

**12.08 Perbuatan atau peninggalan oleh Orang yang Berkaitan**

Jika perbuatan atau peninggalan oleh Orang yang Berkaitan akan tertakluk kepada Kaedah-kaedah ini jika perbuatan atau peninggalan tersebut dilakukan oleh Peserta Penjelasan, maka perbuatan atau peninggalan tersebut disifatkan telah dilakukan oleh Peserta Penjelasan itu dan tindakan disiplin boleh diambil terhadapnya.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

**BAHAGIAN B PROSIDING DISIPLIN**

**12.09 Notis yang Diperlukan bagi prosiding disiplin**

Pusat Penjelasan akan menyampaikan kepada Peserta yang Ingkar yang terhadapnya tindakan disiplin dicadangkan supaya diambil, notis bertulis yang menyatakan jenis dan butiran pelanggaran yang dikatakan telah dilakukan oleh Peserta yang Ingkar (“Notis yang Diperlukan”).

**12.10 Respons kepada Notis yang Diperlukan**

Peserta yang Ingkar boleh mengemukakan kepada Pusat Penjelasan respons bertulis kepada Notis yang Diperlukan (“Respons”) dalam masa yang ditetapkan dalam Notis yang Diperlukan itu.

**12.11 Pemberitahuan keputusan**

Setelah tamat prosiding disiplin, Pusat Penjelasan akan memberitahu Peserta yang Ingkar secara bertulis tentang keputusan yang dicapai, termasuk penalti yang dikenakan (jika ada).

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

**BAHAGIAN C PROSIDING YANG DIPERCEPATKAN****12.12 Skop prosiding yang dipercepatkan**

Pusat Penjelasan boleh memulakan prosiding yang dipercepatkan terhadap Peserta yang Ingkar yang terhadapnya tindakan disiplin dicadangkan supaya diambil dan bukan prosiding di bawah Bahagian B Bab 12 ini dalam keadaan yang dianggap sesuai oleh Pusat Penjelasan, contohnya berkenaan dengan pelanggaran Kaedah-kaedah ini yang biasanya tidak dikenakan penalti melebihi:

- (a) teguran; atau
- (b) denda sebanyak RM10,000.00; atau
- (c) kedua-dua di atas.

**12.13 Prosedur prosiding yang dipercepatkan**

- (1) Pusat Penjelasan akan memberitahu Peserta yang Ingkar secara bertulis bahawa perkara itu akan diteruskan melalui prosiding yang dipercepatkan. Notis itu akan menentukan pelanggaran dan penalti yang dikenakan bagi pelanggaran itu ("Penentuan").
- (2) Peserta yang Ingkar mesti, dalam tempoh yang ditetapkan dalam Penentuan, memaklumkan Pusat Penjelasan secara bertulis sama ada Peserta yang Ingkar bersetuju atau tidak dengan Penentuan itu.
- (3) Peserta yang Ingkar dianggap telah bersetuju dengan Penentuan jika Peserta yang Ingkar tidak memberikan respons dalam masa yang ditetapkan.
- (4) Jika Peserta yang Ingkar bersetuju atau dianggap bersetuju dengan Penentuan itu, tindakan disiplin akan direkodkan sebagai telah diambil terhadap Peserta yang Ingkar pada tarikh persetujuan Peserta yang Ingkar atau setelah tamatnya masa yang ditetapkan.
- (5) Jika Peserta yang Ingkar bersetuju atau dianggap bersetuju dengan Penentuan, maka apa-apa denda yang dikenakan sebagai penalti bagi pelanggaran itu mesti dibayar:
  - (a) apabila Peserta yang Ingkar memaklumkan Pusat Penjelasan secara bertulis tentang persetujuannya dengan Penentuan; atau
  - (b) dalam masa yang ditetapkan dalam Penentuan;
 mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (6) Jika Peserta yang Ingkar tidak bersetuju dengan Penentuan, maka perkara itu akan diteruskan di bawah Bahagian B Bab 12 ini.
- (7) Peserta yang Ingkar boleh, dalam masa yang ditetapkan dalam Penentuan, mengemukakan respons bertulis terhadap Penentuan seolah-olah Penentuan itu merupakan Notis yang Diperlukan di bawah Kaedah 12.09.
- (8) Dalam mempertimbangkan perkara itu di bawah Bahagian B Bab 12 ini, Pusat Penjelasan tidak terikat dengan Penentuan itu dan boleh mengenakan penalti yang lebih tinggi berdasarkan fakta atau keterangan yang dikemukakan semasa prosiding di bawah Bahagian B Bab 12 ini.

**12.14 Tiada pengehadan**

Tiada apa pun dalam Bahagian C Bab 12 ini yang menghalang Pusat Penjelasan daripada meneruskan prosiding disiplin di bawah Bahagian B Bab 12 ini kerana apa-apa pelanggaran Kaedah.

**BAHAGIAN D RAYUAN**

**12.15 Hak rayuan**

- (1) Bagi peluasan Kaedah 2.05, mana-mana pihak dalam prosiding disiplin yang diambil di bawah Bahagian B Bab 12 ini dan Kaedah 12.13(6), yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang terhasil daripada prosiding disiplin boleh merayu terhadap keputusan tersebut mengikut cara yang ditentukan dalam Kaedah 12.16 melainkan keputusan itu direkodkan menurut penyelesaian yang dipersetujui di bawah Kaedah 12.04 ("Perayu").
- (2) Pusat Penjelasan boleh menggantung penguatkuasaan apa-apa tindakan yang diambil di bawah Kaedah 12.02 yang menjadi subjek rayuan sehinggalah rayuan itu diselesaikan.

**12.16 Notis rayuan**

Perayu mesti, dalam masa yang dinyatakan dalam pemberitahuan tentang keputusan yang dibuat di bawah Kaedah 12.11, memberikan notis ("Notis Rayuan") kepada Pusat Penjelasan yang:

- (a) mengenal pasti keputusan yang terhadapnya rayuan itu dibuat; dan
- (b) menyatakan alasan bagi rayuan berserta representasi untuk mewajarkan alasan yang digunakan.

**12.17 Pertimbangtelitian rayuan**

- (1) Perayu boleh mengemukakan keterangan yang tidak dikemukakan semasa prosiding disiplin awal jika:
  - (a) keterangan itu tidak tersedia semasa prosiding disiplin awal; dan
  - (b) keterangan itu mungkin mempunyai pengaruh penentu terhadap keputusan yang dibuat rayuan.
- (2) Perayu mesti mengemukakan keterangan baharu, seperti yang dinyatakan dalam Kaedah 12.17(1) semasa menyerahkan Notis Rayuan.
- (3) Pusat Penjelasan boleh menggunakan kuasanya di bawah Kaedah 11.03 dan mengemukakan keterangan baharu yang timbul daripada Notis Rayuan yang diserahkan oleh Peserta yang Ingkar.
- (4) Pusat Penjelasan boleh mengesahkan, mengubah atau mengetepikan tindakan disiplin yang dibuat rayuan.

**12.18 Pemberitahuan tentang keputusan rayuan**

Apabila tamat suatu rayuan, Pusat Penjelasan akan memberitahu Peserta yang Ingkar secara bertulis tentang keputusan rayuan dan keputusan itu adalah muktamad.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

---

**BAHAGIAN E PELAKSANAAN TINDAKAN DISIPLIN**

**12.19 Pelaksanaan umum tindakan disiplin**

- (1) Peserta yang Ingkar mesti melaksanakan keputusan yang dibuat di bawah Bahagian B Bab 12 ini atau Kaedah 12.13 atau keputusan yang disahkan atau diubah di bawah Kaedah 12.17 dalam masa yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (2) Jika Peserta yang Ingkar gagal melaksanakan atau mematuhi apa-apa keputusan yang dibuat, disahkan atau diubah, Peserta yang Ingkar dianggap telah melakukan pelanggaran Kaedah-kaedah ini dan Pusat Penjelasan boleh mengambil tindakan selanjutnya seperti yang dinyatakan di bawah Kaedah 12.02.

**12.20 Tempoh pembayaran dan kesan tidak membayar denda**

- (1) Tanpa menjelaskan Kaedah 12.19(2), denda yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan mesti dibayar oleh Peserta yang Ingkar dalam masa yang ditetapkan dalam notis di bawah Kaedah 12.11 atau Kaedah 12.18.
- (2) Menurut Kaedah 12.20(1) dan Kaedah 12.13(5), Peserta yang Ingkar yang gagal membuat pembayaran dalam rangka masa yang ditetapkan akan terus digantung daripada fungsi dan aktivitinya.
- (3) Jika denda masih belum dibayar dalam tempoh 7 hari selepas penggantungan di bawah Kaedah 12.20(2), Pusat Penjelasan boleh, pada bila-bila masa selepas itu, terus menamatkan Penyertaan atau pendaftaran Peserta yang Ingkar, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan Pusat Penjelasan.
- (4) Denda atau mana-mana bahagian denda yang masih belum dibayar oleh Peserta yang Ingkar merupakan hutang yang perlu dibayar oleh Peserta yang Ingkar kepada Pusat Penjelasan.

**12.21 Penguatkuasaan penggantungan atau pemberhentian**

- (1) Penggantungan yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan terhadap Peserta yang Ingkar:
  - (a) berkuat kuasa pada tarikh yang diberitahu dalam notis di bawah Kaedah 12.11 atau Kaedah 12.18 ("notis tersebut"); dan
  - (b) kekal bagi apa-apa tempoh seperti yang ditetapkan dalam notis tersebut tetapi tempoh itu boleh dilanjutkan oleh Pusat Penjelasan untuk apa-apa tempoh yang dianggapnya wajar.
- (2) Tiada apa pun dalam Kaedah 12.21 ini yang boleh ditafsirkan sebagai mengeluarkan atau melepaskan Peserta yang Ingkar tersebut daripada tetap bertanggungan dalam semua hal untuk memenuhi semua obligasinya menurut atau di bawah Kaedah-kaedah ini.
- (3) Mana-mana Peserta yang Ingkar yang telah digantung atau diberhentikan hendaklah tertakluk kepada Kaedah 10.01, jika bersesuaian.

[Bab Tamat]